

NOTIS PRIVASI

A. NOTIS PRIVASI BERKAITAN DENGAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Tujuan notis ini ("Notis Privasi") adalah untuk memaklumkan kepada anda bagaimana Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS Berhad"), termasuk tetapi tidak terhad kepada anak syarikat, syarikat berkaitan atau mana-mana rakan sekutunya (secara kolektif dirujuk sebagai "kami" atau "kita") mengumpulkan, memproses, menggunakan dan menguruskan Data Peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi ("PDPA") dan pindaan kepada PDPA selepasnya.

Dengan menyerahkan Data Peribadi anda dalam pelbagai bentuk ke dalam laman web ini dan/atau yang merupakan sebahagian daripada KPS Berhad, anda dengan ini memberikan kebenaran dan persetujuan kepada kami untuk memproses (termasuklah menzahirkan) Data Peribadi anda untuk tujuan tersebut dan/atau untuk apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan tersebut.

Jika anda tidak memberikan kebenaran atau kemudiannya menarik balik kebenaran anda berhubung dengan pemprosesan dan penzahiran Data Peribadi anda, kami tidak akan dapat memenuhi obligasi kami kepada anda berhubung dengan tujuan tersebut dan/atau apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan tersebut.

B. PENGUMPULAN DATA PERIBADI

Data Peribadi tentang anda yang boleh kami kumpulkan melalui cetakan dan saluran digital (termasuk tetapi tidak terhad kepada Laman Web, Media Sosial dan Aplikasi Telefon) termasuklah Data Peribadi:

- apabila anda mengikat apa-apa perjanjian atau menyediakan dokumentasi atau maklumat lain berhubung dengan interaksi anda dengan kami;
- apabila anda berinteraksi dengan kakitangan dan/atau pegawai kami contohnya, melalui panggilan telefon, surat, faks, mesyuarat bersemuka, mesej teks, platform media sosial dan e-mel;
- apabila anda berinteraksi dengan kami melalui laman web kami;
- apabila anda meminta kami menghubungi anda atau meminta agar anda dimasukkan dalam sistem e-mel atau senarai mel yang lain;
- apabila anda menyerahkan permohonan pekerjaan atau apabila anda memberikan dokumen atau maklumat termasuklah resume dan/atau kurikulum vitae (CV) anda berkaitan dengan apa-apa temu janji dan/atau pelantikan dengan kami;

- apabila kami merakam imej anda melalui kamera litar tertutup (CCTV) ketika anda berada di dalam premis kami, atau melalui gambar foto atau video yang kami atau wakil kami ambil apabila anda datang ke premis atau menghadiri acara kami;
- apabila kami mencari maklumat tentang anda dan menerima Data Peribadi anda berkenaan hubungan anda dengan kami, termasuklah permohonan kerja, contohnya, daripada rakan kongsi perniagaan, agensi awam, bekas majikan anda, pengantara rujukan dan pihak berkuasa yang berkaitan;
- apabila kami memerlukan Data Peribadi anda untuk melaksanakan kontrak seperti perjanjian jual beli, pematuhan obligasi undang-undang, termasuklah keperluan pendaftaran tanah;
- apabila kami memerlukan Data Peribadi anda melalui pelbagai cara seperti kempen, Inisiatif Pelaburan Sosial dan acara yang dianjurkan di bawah Kumpulan KPS Berhad; dan/atau
- apabila anda menyerahkan Data Peribadi anda kepada kami atas apa jua sebab lain.

C. KETERANGAN TENTANG DATA PERIBADI

- a) Nama;
- b) No. Kad Pengenalan;
- c) Jantina;
- d) Alamat e-mel;
- e) No. telefon bimbit;
- f) No. pasport
- g) Alamat IP;
- h) Imej (pegun/rakaman);
- i) Data peribadi yang sensitif; dan apa-apa
- j) Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) yang ditakrifkan oleh undang-undang atau piawaian privasi antarabangsa.

D. TUJUAN MENGUMPULKAN DATA PERIBADI

Secara umumnya, kami mengumpul dan memproses Data Peribadi anda untuk tujuan berikut:

- tujuan yang berkaitan dengan pengoperasian, pentadbiran, pembangunan, penyimpanan kira-kira atau peningkatan perniagaan Kumpulan termasuklah untuk tujuan yang berkaitan dengan sokongan dan/atau bantuan dalam apa-apa perniagaan Kumpulan atau Laman Web Kumpulan; dan/atau tujuan yang berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan/atau penguatkuasaan urus niaga komersial dan untuk berhubung dan berkomunikasi dengan anda dan/atau orang atau syarikat lain seumpamanya yang anda mewakilinya; dan/atau
- jika dikehendaki oleh undang-undang, apabila kami menganggap bahawa penggunaan atau penzahiran tersebut adalah perlu untuk

bertindak balas terhadap apa-apa tuntutan atau proses undang-undang, atau apabila kami mengesyaki bahawa penipuan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang, telah berlaku, sedang berlaku atau mungkin berlaku; dan/atau

- jika pihak ketiga memperoleh atau ingin memperoleh, atau membuat pertanyaan untuk memperoleh kepentingan dalam mana-mana syarikat dalam KPS Berhad; dan/atau
- jika dikehendaki oleh pihak ketiga supaya pihak ketiga tersebut dapat menjalankan fungsi atau perkhidmatan seperti yang dikehendaki oleh KPS Berhad; dan/atau
- membolehkan KPS Berhad atau jika dikehendaki oleh pihak ketiga supaya pihak ketiga tersebut dapat menjalankan fungsi atau obligasi seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, kaedah, peraturan, undang-undang kecil dan/atau garis panduan (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak) atau seperti yang dikehendaki oleh mana-mana pihak berkuasa, agensi atau jabatan kerajaan atau bukan kerajaan atau jika dikehendaki oleh pihak ketiga untuk memastikan pematuhan kepada perjanjian atau dokumen; dan/atau
- jika dikehendaki oleh pihak ketiga untuk tujuan penyediaan dan penyerahan apa-apa tuntutan atau pembayaran kepada mana-mana pihak atau untuk apa-apa audit/semakan oleh mana-mana pihak untuk apa jua tujuan berkaitan dengan perniagaan KPS Berhad; dan/atau
- tujuan yang berkaitan dengan penguatkuasaan hak KPS Berhad menurut apa-apa surat, perjanjian dan/atau dokumen termasuklah mendapatkan nasihat undang-undang dan kewangan, mengambil apa-apa langkah awal atau memulakan apa-apa tindakan undang-undang; dan/atau
- membuat penzahiran tersebut seperti yang mungkin dikehendaki untuk apa-apa tujuan di atas atau undang-undang kecil.

E. PENYIMPANAN DAN PENGEKALAN DATA PERIBADI

Data Peribadi anda akan disimpan dalam bentuk cetakan di pejabat KPS Berhad atau disimpan dalam pelayan yang terletak di dalam atau di luar Malaysia dan dikendalikan oleh KPS Berhad di dalam atau di luar Malaysia.

Apa-apa Data Peribadi yang anda beri akan disimpan oleh KPS Berhad selama tujuh (7) tahun atau selagi diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan dalam perenggan D di atas atau diperlukan untuk memenuhi apa-apa keperluan undang-undang, kawal selia dan/atau perakaunan atau untuk melindungi kepentingan KPS Berhad.

KPS Berhad tidak menawarkan apa-apa kemudahan dalam talian kepada anda untuk menghapuskan Data Peribadi anda yang disimpan oleh KPS Berhad.

F. BAGAIMANA KAMI MENGENDALIKAN E-MEL DAN MESEJ "HUBUNGI KAMI"

KPS Berhad boleh mengekalkan kandungan apa-apa e-mel atau mesej "Hubungi kami" atau mesej elektronik lain yang diterima oleh KPS Berhad.

Apa-apa data peribadi yang terkandung dalam mesej tersebut akan hanya digunakan atau dizahirkan mengikut cara yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

Kandungan mesej mungkin dipantau oleh penyedia perkhidmatan atau pekerja KPS Berhad untuk tujuan termasuklah pematuhan, pengauditan dan penyelenggaraan atau sekiranya disyaki berlaku penyalahgunaan e-mel.

G. DATA KOMUNIKASI ATAU PENGGUNAAN

Apabila anda menggunakan perkhidmatan telekomunikasi untuk mengakses Laman Web KPS Berhad, data komunikasi anda (contohnya alamat protokol Internet) atau data penggunaan (contohnya, maklumat pada permulaan, akhir dan setakat mana data itu diakses, dan maklumat pada perkhidmatan telekomunikasi yang anda akses) secara teknikalnya dijana dan berkemungkinan mempunyai kaitan dengan Data Peribadi.

Selagi ada keperluan mendesak, pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan data komunikasi atau penggunaan anda, akan berlaku, dan akan dilaksanakan menurut PDPA.

H. DATA BUKAN PERIBADI YANG DIKUMPUL SECARA AUTOMATIK

Apabila anda mengakses Laman Web KPS Berhad, KPS Berhad boleh secara automatik (iaitu bukan melalui pendaftaran) mengumpulkan data bukan peribadi (contohnya, jenis pengimbas Internet dan sistem pengoperasian yang digunakan, nama domain Laman Web anda yang asal, bilangan lawatan, purata masa anda melayari laman tersebut, halaman yang dilihat).

KPS Berhad boleh menggunakan data ini dan berkongsi dengan kumpulan syarikatnya yang lain untuk memantau daya tarikan laman web KPS Berhad dan untuk menambah baik prestasi atau kandungannya.

I. AKSES DATA, PEMBETULAN DAN HAK MENARIK BALIK

Anda bertanggungjawab untuk memastikan Data Peribadi yang diserahkan adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemas kini dalam semua aspek.

Anda boleh pada bila-bila masa memohon untuk mengakses, membetulkan dan menarik balik kebenaran bagi Data Peribadi anda. Untuk melaksanakan hak anda, anda boleh melakukannya dengan menghubungi **Pegawai LCD di 03-5524 8400** atau melalui e-mel di legal@kps.com.my

Hak anda untuk mengakses dan membetulkan dan menarik balik kebenaran Data Peribadi anda hendaklah dilaksanakan menurut PDPA.

KPS Berhad berhak menyemak semula, mengubah dan/atau meminda Notis ini dari masa ke masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu dan akan memaklumkan perubahan tersebut berserta Dasar yang telah dikemas kini dalam laman web KPS Berhad dan/atau cara lain yang sewajarnya seperti yang akan ditentukan oleh KPS Berhad

J. KESELAMATAN DATA PERIBADI

Data Peribadi yang disimpan dalam perkhidmatan awan adalah dalam bentuk disulitkan termasuklah apabila kami menggunakan penyimpanan pihak ketiga. Tahap keselamatan Data Peribadi yang disimpan dalam persekitaran bukan elektronik juga dikendalikan mengikut prosedur dan cara yang ketat.

Kuki yang digunakan oleh laman web tidak, dalam apa jua cara, mengumpulkan Data Peribadi yang boleh digunakan untuk mengenal pasti pengguna tertentu. Selain itu, kuki bersifat sementara, yang digunakan hanya untuk meningkatkan keberkesanan penghantaran terakhir. Pengguna boleh membuat konfigurasi pengimbas mereka dengan memberitahu mereka tentang penerimaan kuki dan mengelakkan penyimpanan kuki di dalam komputer mereka.

K. PEMINDAHAN DATA PERIBADI

Kami menyediakan tahap perlindungan yang sebanding bagi Data Peribadi sekiranya maklumat itu diproses atau digunakan di luar Malaysia oleh vendor kami.